# MAJLIS PERBANDARAN KLUANG

## KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang berdaftar di dalam kelas/ bidang berkenaan dan pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk menjalankan kerja-kerja berikut;-

| BIL | BUTIR-BUTIR TAWARAN | TARAF SEBUTHARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN | TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL | TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP |
|---|---|---|---|---|
| 1<br><br><br><br>2 | **NO SEBUTHARGA: MPK/SH/KA/19-2026**<br><br>KERJA-KERJA MEMBINA BARU DEWAN TERBUKA DI TAMAN AMAN, MP KLUANG<br><br>**NO SEBUTHARGA: MPK/SH/KA/20-2026**<br><br>KERJA-KERJA PEMBINAAN DEWAN SERBAGUNA DAN GELANGGANG FUTSAL DI LOT 4976 & LOT 4977 KG INDIA BATU 24, KAHANG | **CIDB**<br>**Gred: G2**<br>**Kategori: B04**<br>*Kerja-kerja Pembinaan Bangunan* | **Mulai :**<br>**03/06/2026 (RABU)**<br>**Jam : 12.00 tengahari**<br><br>**Web:**<br>iperolehan.mpkluang.gov.my<br><br>**Daftar dan Pembaharuan Lesen:**<br><br>**Jabatan Kejuruteraan**<br>Majlis Perbandaran Kluang, Tingkat 3, Persiaran Utama, Bandar Primer, 86000 Kluang, Johor<br><br>***Nota :***<br>Penyebutharga adalah dikehendaki membawa sijil asal beserta satu (1) salinan bagi tujuan semakan dan pendaftaran, seperti berikut:<br>a. Perakuan Pendaftaran Kontraktor;<br>b. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB;<br>c. Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh CIDB;<br>d. Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh PKK yang masih sah tempoh lakunya<br>e. Kad Pengenalan pemilik syarikat; dan<br>f. Cop rasmi syarikat<br><br>Penyebutharga juga hendaklah mengemukakan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang asal bagi tujuan semakan kawasan pendaftaran syarikat.<br><br>**Tempoh sah laku bagi sijil-sijil berkaitan hendaklah berbaki sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh tamat tempoh lesen pada tarikh pembelian dokumen atau pendaftaran dibuat.** | **Tarikh Tutup:**<br>**10/06/2026 (RABU)**<br><br>**Sebelum atau Pada Jam 12.00 tengahari**<br><br>**Jabatan Kejuruteraan**<br>Majlis Perbandaran Kluang, Tingkat 3, Persiaran Utama, Bandar Primer, 86000 Kluang, Johor<br><br>**SEBARANG DOKUMEN SEBUTHARGA YANG DITERIMA LEWAT DARIPADA TARIKH DAN MASA TUTUP YANG DITETAPKAN AKAN DITOLAK DAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.** |

i) Mulai 1 Januari 2018, pembelian Dokumen Sebutharga hendaklah dibuat secara dalam talian (ONLINE) melalui laman sesawang: **iperolehan.mpkluang.gov.my** Kontraktor adalah dikehendaki hadir ke Kaunter Jabatan Kejuruteraan terlebih dahulu bagi tujuan pendaftaran sebelum urusan pembelian dokumen dibuat.

ii) Dokumen Sebutharga dijual pada harga RM50.00 senaskah bagi Kontraktor Kelas G2.

iii) Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank daripada bank yang berlesen** dan beroperasi di Malaysia, atau melalui **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** dan dibayar atas nama: **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**. Bayaran secara wang tunai atau cek adalah tidak diterima, selaras dengan ketetapan 1PP-PK2 perenggan 8 (iii) (e) (5).

iv) Setiap Penyebutharga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan dan sekiranya dikemukakan, tawaran tersebut akan ditolak.

v) Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta dicatatkan **No. Sebutharga dan Tajuk Kerja di penjuru kanan atas sampul surat** sebelum dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti yang dinyatakan.

vi) Penyebutharga yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

vii) Penyebutharga adalah disarankan untuk melawat dan meninjau tapak bina sebelum mengemukakan tawaran. Sebarang butiran yang tidak diperhargakan dalam tawaran adalah dianggap telah diambil kira dalam harga yang dikemukakan dan hendaklah dilaksanakan tanpa sebarang tuntutan tambahan. Taklimat dan lawatan tapak (jika perlu) akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**(MOHD FAHMY BIN YAHYA K.B.; P.A.)**
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang

***Tarikh Iklan: 03/06/2026***

# MAJLIS PERBANDARAN KLUANG

## KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang berdaftar di dalam kelas/ bidang berkenaan dan pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk menjalankan kerja-kerja berikut;-

| BIL | BUTIR-BUTIR TAWARAN | TARAF SEBUTHARA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN | TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL | TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK PROJEK | TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **NO SEBUTHARGA: MPK/T/KA/4-2026**<br><br>KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG MPK KG. MELAYU, KLUANG SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN | **CIDB**<br>**Gred: G3**<br>**Kategori: B04**<br>*Kerja-kerja Pembinaan Bangunan*<br><br>**DAN**<br>**CE21**<br>*Pembinaan Kejuruteraan Awam*<br><br>**DAN**<br>**CE34**<br>*Kerja-kerja Pemasangan Konkrit Pratuang* | **Diiklan :**<br>**03/06/2026**<br>**(RABU)**<br><br>**Tempat Dokumen Dijual :**<br>**Dilaman web**<br>iperolehan.mpkluang.gov.my<br><br>**Daftar dan Pembaharuan Lesen:**<br><br>**Jabatan Kejuruteraan**<br>Majlis Perbandaran Kluang, Tingkat 3, Persiaran Utama, Bandar Primer, 86000 Kluang, Johor<br><br>**Tarikh Dokumen Boleh Diperolehi:**<br>**05/06/2026**<br>(JUMAAT)<br>Hingga<br>**12/06/2026**<br>(JUMAAT) | **05/06/2026**<br>**(JUMAAT)**<br><br>**Pendaftaran : 10.00 Pagi**<br><br>**Tempat Taklimat :**<br>**Kawasan parking besebelahan padang Sekolah Kebangsaan Kg. Melayu, Jalan Dato Musa**<br><br>**Koordinat :**<br>2.0391057, 103.3287673<br><br>**Tempat Lawatan Tapak :**<br>**Kawasan parking besebelahan padang Sekolah Kebangsaan Kg. Melayu, Jalan Dato Musa**<br><br>Nota:<br>**Taklimat dan Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN**<br><br>**HANYA KONTRAKTOR YANG HADIR TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK SAHAJA DIBENARKAN MEMBELI DOKUMEN SEBUTHARGA** | **Tarikh Tutup:**<br>**12/06/2026 (JUMAAT)**<br><br>**Sebelum atau Pada Jam 12.00 tengahari**<br><br>**Tempat Tawaran Ditutup:-**<br>**Jabatan Kejuruteraan**<br>Majlis Perbandaran Kluang, Tingkat 3, Persiaran Utama, Bandar Primer, 86000 Kluang, Johor<br><br>**DOKUMEN SEBUTHARGA YANG LEWAT DITERIMA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** |
| 2 | **NO SEBUTHARGA: MPK/T/L/1-2026**<br><br>KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG LAMPU DI MINI STADIUM KG. MELAYU, KLUANG SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN | **CIDB**<br>**Gred: G3**<br>**Kategori: E04**<br>*Pemasangan Voltan Rendah*<br><br>**DAN**<br>**E06**<br>*Sistem Pencahayaan Khas*<br><br>**DAN**<br>**E11**<br>*Kerja Am Elektrik*<br><br>**DAN**<br>**E17**<br>*Kabel Bawah Tanah Voltan Rendah* | | | |

**Perihal taklimat dan lawatan tapak :-**

i) Kontraktor dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran Asal dan salinan** bagi ketiga-tiga sijil **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB dan CIDB Perolehan Kerja Kerajaan) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera** semasa Pendaftaran Taklimat dan Lawatan Tapak.

ii) Taklimat dan Lawatan Tapak **TIDAK BOLEH MEWAKILIKAN PEGAWAI LAIN**, hanya penama di dalam sijil disebut diatas sahaja yang boleh menghadiri. Sila bawa **Cop Syarikat** semasa pendaftaran Taklimat dan Lawatan Tapak dan semasa membeli dokumen sebutharga

**Perihal iklan :-**

i) Mulai 1 Januari 2018, pembelian Dokumen Sebutharga hendaklah dibuat secara dalam talian (ONLINE) melalui laman sesawang: iperolehan.mpkluang.gov.my Kontraktor adalah dikehendaki hadir ke Kaunter Jabatan Kejuruteraan terlebih dahulu bagi tujuan pendaftaran sebelum urusan pembelian dokumen dibuat.

ii) Dokumen Sebutharga dijual pada harga RM100.00 senaskah bagi Kontraktor Kelas G3.

iii) Dimaklumkan bahawa berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025, semua syarikat yang menyertai perolehan kerajaan adalah **DIWAJIBKAN** melampirkan **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC)** bersama-sama dokumen sebutharga/ tender. Kegagalan melampirkan sijil berkenaan akan menyebabkan sebutharga/ tender tidak

iv) Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank daripada bank yang berlesen** dan beroperasi di Malaysia, atau melalui **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** dan dibayar atas nama: **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**. Bayaran secara wang tunai atau cek adalah tidak diterima, selaras dengan ketetapan 1PP-PK2 perenggan 8 (iii) (e) (5).

v) Setiap Penyebutharga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan dan sekiranya dikemukakan, tawaran tersebut akan ditolak.

vi) Pendaftaran dan pembaharuan lesen, penyebutharga dikehendaki membawa **Sijil Asal** beserta salinan untuk **Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil ASAL SPKK (Sijil Perolehan Kerja Kerajaan) oleh CIDB, Sijil Perakuan Pendaftaran oleh CIDB, Sijil Asal Taraf Bumiputera oleh PKK** yang masih **SAH TEMPOH LAKUNYA** dan Kad Pengenalan pemilik syarikat dan Cop Syarikat bagi pendaftaran lesen dan pembaharuan lesen syarikat.

vii) Penyebutharga juga dikehendaki membawa **PENDAFTARAN SSM ASAL** untuk penyemakan kawasan pendaftaran syarikat.

viii) Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta dicatatkan **No. Sebutharga dan Tajuk Kerja di penjuru kanan atas sampul surat** sebelum dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti yang dinyatakan.

ix) Penyebutharga yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

x) Penyebutharga adalah dinasihatkan supaya melawat dan meninjau tapak bina sebelum memasuki tawaran sebutharga. Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah dimasukkan ke dalam butiran lain dan haruslah dilaksanakan.

**(MOHD FAHMY BIN YAHYA K.B.; P.A.)**
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang

***Tarikh Iklan: 03/06/2026***